


### 35. Beriadah Bersama

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



**Kata bantuan:**

- |              |                   |
|--------------|-------------------|
| taman        | buai-buaian       |
| bermain      | bersenam          |
| papan luncur | berlari-lari anak |

Setiap minggu, keluarga saya akan ke taman yang berdekatan dengan rumah saya. Taman itu dihiasi dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan yang cantik.

Di situ terdapat juga sebuah taman permainan. Saya selalu bermain dengan teman saya, Raju dan Alex. Kami gemar bermain di atas papan lungsur. Di situ juga terdapat buai-buaian dan jongkang-jongket. Ramai kanak-kanak yang lain juga gemar bermain di situ.

Selain itu, ramai juga orang-orang yang bersenam dan berbasikal di taman itu. Abang dan Kakak selalu berlari-lari anak di sana. Ayah dan Ibu pula akan duduk di bangku sambil memerhatikan saya.

Setiap kali, kami akan pulang ke rumah pada pukul 6.30 petang. Kemudian, kami akan makan malam bersama.